

16 AUG 1997

Umno-Konvensyen

KONVENSYEN UMNO SABAH PERKUKUH PENGHAYATAN BUDAYA PARTI

KOTA KINABALU, 16 Ogos (Bernama) -- Umno Sabah, yang kini berusia hampir tujuh tahun, mengadakan konvensyen terbesarnya di sini esok dalam keadaan politik Sabah kelihatan agak tenang.

Dengan isu pilihan raya negeri akan datang ini kelihatan kurang menyerlah lagi untuk difikirkan buat masa ini, konvensyen terbesar itu digunakan sepenuhnya untuk menghayati budaya parti dan meningkatkan perpaduan serta semangat di kalangan anggota parti itu.

Penggal Dewan Undangan Negeri sekarang hanya akan berakhir pada Mac 1999 sekalipun pembangkang jelas mahu bersedia awal bagi menghadapi kemungkinan pilihan raya diadakan lebih awal sebelum tempoh itu.

Konvensyen tiga hari yang akan dirasmikan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu juga dianggap penting dan kena pada masanya ketika pemimpin atasan parti itu menekankan perlunya perubahan budaya politik di negeri ini.

Sekalipun usia masih muda, Umno Sabah berbangga mempunyai jumlah anggota yang paling banyak dengan kira-kira 360,000 orang mengikut perangkaan dua tahun lepas.

Ketua Penerangan Umno Sabah Datuk Karim Ghani berkata, konvensyen bertema "Ke Arah Penghayatan Budaya Umno" itu yang dijangka dihadiri lebih 1,500 orang perwakilan dan membincangkan pelbagai isu termasuk politik, ekonomi dan prestasi parti di negeri ini.

"Wakil yang dipilih dari setiap bahagian akan diberi masa kira-kira 15 minit untuk menyatakan pandangan mereka berhubung pelbagai isu," katanya.

Umno mengembangkan sayapnya ke Sabah pada Februari 1991, beberapa bulan selepas Parti Bersatu Sabah (PBS) keluar dari Barisan Nasional (BN).

Kemasukan Umno ke negeri ini dengan serta-merta berjaya menarik ramai anggota dan selepas setahun bertapak, ia telah mempunyai lebih 200,000 anggota dan merupakan antara yang tertinggi jumlahnya berbanding keanggotaan Umno di negeri-negeri lain.

Parti itu bersama-sama lapan lagi anggota komponen Barisan Nasional Sabah kemudian membentuk kerajaan negeri pada Mac 1994 apabila PBS yang memenangi pilihan raya negeri sebulan sebelum itu, kehilangan majoriti dalam Dewan Undangan Negeri berikutan tindakan wakil rakyatnya meninggalkan parti itu untuk menyertai BN.

Penubuhan kerajaan negeri BN yang baru itu juga menandakan bermulanya pelaksanaan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah antara Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam.

Pemimpin daripada UMNO merupakan Ketua Menteri pertama yang dilantik mengikut sistem itu apabila Tun Sakaran Dandai dilantik menjadi Ketua Menteri. Beliau kemudian digantikan oleh Datuk Salleh Said Keruak apabila dilantik menjadi Yang Dipertua Negeri.

Sistem penggiliran jawatan itu kemudiannya menyaksikan Datuk Yong Teck Lee bagi kuota Cina, dilantik sebagai Ketua Menteri menggantikan Salleh.

Mengikut sistem itu, tempoh jawatan Yong pula akan tamat pada Mei tahun depan bagi memberi laluan kepada seorang pemimpin dari Bumiputera bukan Islam untuk menerajui kerajaan negeri. -- BERNAMA

JS oba